



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA NOVEMBER 2024

Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 3.6 peratus pada November 2024, didorong oleh pertumbuhan output yang berterusan dalam sektor Pembuatan

PUTRAJAYA, 10 JANUARI 2025 – Indeks Pengeluaran Perindustrian meningkat 3.6 peratus tahun ke tahun pada November 2024, didorong oleh pertumbuhan output yang berterusan dalam sektor Pembuatan. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, November 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Pertumbuhan IPP terus meningkat 3.6 peratus pada November 2024 selepas mencatatkan 2.0 peratus pada bulan sebelumnya, mengekalkan momentum positif selama sebelas bulan berturut-turut. Peningkatan ini disokong oleh sektor Pembuatan yang berkembang sebanyak 4.6 peratus (Oktober 2024: 3.3%), disertai dengan peningkatan 3.9 peratus dalam output Elektrik (Oktober 2024: 1.9%). Namun begitu, pengeluaran sektor Perlombongan kekal dalam aliran menurun walaupun dengan pertumbuhan negatif yang lebih kecil iaitu 0.8 peratus pada November 2024 (Oktober 2024: -2.8%). Bagi perbandingan bulan ke bulan, IPP bertumbuh 0.5 peratus daripada 1.7 peratus pada Oktober 2024."

Output berorientasikan eksport yang menyumbang dua pertiga daripada sektor Pembuatan berkembang sebanyak 5.6 peratus pada November 2024 berbanding 3.3 peratus yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Pengembangan ini disokong terutamanya oleh Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal yang meningkat 8.8 peratus; diikuti oleh Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis pada 2.8 peratus; dan Pembuatan produk plastik yang meningkat 8.7 peratus. Pengembangan tahun ke tahun ini mencerminkan prestasi eksport negara yang melonjak 10.3 peratus pada November 2024. Perbandingan bulan ke bulan, industri berorientasikan eksport memulih 0.1 peratus selepas merekodkan negatif 1.4 peratus pada Oktober 2024.

Namun begitu, industri berorientasikan domestik terus bertumbuh sederhana sebanyak 2.6 peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 3.3 peratus pada Oktober 2024. Peningkatan industri ini diterajui terutamanya oleh Pembuatan produk prosesan makanan (5.6%); Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin dan kelengkapan (4.9%); dan Pembuatan produk galian bukan logam lain (2.9%). Perbandingan dengan bulan sebelumnya, industri berorientasikan domestik mencatatkan pemulihan sebanyak 3.0 peratus berbanding pertumbuhan negatif 0.9 peratus pada bulan Oktober 2024.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Pengeluaran sektor Perlombongan pada November 2024 menurun sebanyak 0.8 peratus dipengaruhi oleh penurunan dalam indeks Minyak Mentah & Kondensat sebanyak 3.8 peratus (Oktober 2024: -7.5%) manakala, indeks Gas Asli meningkat 1.2 peratus (Oktober 2024: 0.4%). Berbanding dengan bulan sebelumnya, indeks Perlombongan bertumbuh marginal 0.2 peratus berbanding pertumbuhan 14.7 peratus yang direkodkan pada Oktober 2024. Sementara itu, penjanaan Elektrik berkembang 3.9 peratus tahun ke tahun pada November 2024 selepas mencatatkan peningkatan 1.9 peratus pada bulan sebelumnya. Perbandingan dengan bulan Oktober 2024, indeks Elektrik menurun 3.9 peratus berbanding positif 3.6 peratus pada Oktober 2024."


Di peringkat global, IPP bagi beberapa negara meningkat termasuk China, Singapura, Vietnam dan Taiwan sementara, Korea Selatan terus meningkat dengan pertumbuhan marginal pada November 2024. Sebaliknya, Amerika Syarikat, Japan dan Thailand mengalami penurunan pada bulan ini.

Merumuskan kenyataan beliau, Ketua Perangkawan berkata, “Bagi tempoh sebelas bulan pertama tahun ini (Januari – November 2024), IPP bertumbuh lebih baik kepada 3.7 peratus (Januari – November 2023: 0.8%) dengan kesemua sektor mencatatkan peningkatan, iaitu indeks Perlombongan (0.7%); indeks Pembuatan (4.2%); dan indeks Elektrik (5.8%).”


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


**Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia,
November 2023 - November 2024**




**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
November 2023 - November 2024**




**Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia
Oktober 2024 dan November 2024**




Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia, November 2023 - November 2024



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia, Oktober 2024 dan November 2024



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Oktober 2024 dan November 2024



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
10 JANUARI 2025